

### Objektif

- i. Menunjukkan bagaimana air diserap dan "berjalan" melalui tisu 

### Bahan

- 6 cawan plastik
- Air
- Pewarna makanan (merah, kuning, biru)
- Tisu dapur / tuala dapur

### Aktiviti

- 1 Murid diminta untuk menyusun 6 cawan plastik dalam sebaris.
- 2 Murid perlu mengisi air secara selang seli, iaitu satu cawan akan diisi air bersama pewarna makanan dan satu cawan lagi kosong, dan berturutan sehingga cawan ke-6.
- 3 Cawan 1 akan diisi dengan pewarna merah, cawan 3 akan diisi dengan pewarna biru dan cawan 5 akan diisi dengan pewarna kuning.
- 4 Murid perlu meletakkan tisu dari bekas cawan 1 ke cawan 2 sehingga cawan terakhir sebagai simbolik jambatan untuk melihat bagaimana air berwarna dalam cawan akan "berjalan" dari satu cawan ke cawan yang lain.
- 5 Selepas beberapa jam, air akan "berjalan" dari cawan air berwarna ke cawan kosong dan warna akan bercampur.
- 6 Pada akhir eksperimen ini, setiap cawan akan dipenuhi dengan air berwarna menunjukkan air telah selesai "berjalan" melalui jambatan.